

'Peji Ha Uma Bawang!' dijayakan siswa-siswi UPMKB bersama komuniti di Belaga

SUNGAI ASAP: Program 'Peji Ha Uma Bawang!' berjaya menghimpunkan lebih 100 peserta termasuk mahasiswa-mahasiswa Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) dan komuniti Uma Bawang di Belaga baru-baru ini.

Program tiga hari dua malam itu yang berlangsung pada 10 hingga 12 Januari di Uma Bawang, Sungai Asap, Belaga dianjurkan oleh sekumpulan 23 pelajar Kursus QKK2101 Bakti Siswa (Kumpulan 101) UPMKB.

Tujuannya untuk memperkasa hubungan komuniti dan memperkenalkan inovasi pertanian moden di kawasan pedalaman Sarawak.

Ketua Pentadbir Pejabat Pengurusan Pelajar UPMKB yang mewakili Pengarah Kampus UPMKB Mohamad Syukri Mohamad Adnan berkata, penganjuran program ini menjadi platform penting untuk pelajar mendalami budaya setempat dan berinteraksi secara langsung dengan masyarakat luar bandar.

"Program ini mampu memupuk semangat kepimpinan dan meningkatkan kemahiran insaniah pelajar melalui pelaksanaan aktiviti kemasyarakatan yang dijalankan," katanya semasa merasmikan penutupan program tersebut.

Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan, antaranya, lawatan ke Empangan Hidroelektrik Bakun pada 10 Januari yang dikelolakan syarikat Sarawak Energy Berhad, aktiviti larian santai bersama 14 mahasiswa UPMKB yang



BELAJAR: Mahasiswa-mahasiswi UPMKB menyertai aktiviti membuat dinuh, kuih tradisional Kayan bersama penduduk Uma Bawang.

bertindak sebagai peserta luar serta komuniti Uma Bawang termasuk kanak-kanak dan keluarga angkat.

Selain itu, aktiviti memasak serta membuat kuih tradisional kaum Kayan seperti kuih dinuh daripada tepung ubi dan juga ubi kayu bersama ibu-ibu angkat, ceramah akuaponik dan sesi demonstrasi pemasangan set akuaponik, senamrobik dan sukaneka bersama komuniti turut diadakan.

Aktiviti-aktiviti ini bukan sahaja dapat mengeratkan hubungan antara pelajar dan penduduk setempat, malah turut memberi pendedahan kepada teknologi pertanian moden yang boleh diaplikasikan di kawasan Uma Bawang.

Ketua Kampung Uma Bawang Ellison Duren Lihan menyatakan penghargaan terhadap usaha para pelajar terbabit.

"Kami amat berbesar hati menerima kehadiran pelajar UPMKB yang sudi berkongsi ilmu.

"Ini adalah pengalaman yang amat bermakna bagi komuniti kami," katanya.

Program ini turut melibatkan penganjuran Malam Silang Budaya yang meriah dengan persembahan kebudayaan seperti tarian ngajat, peragaan pakaian tradisional Orang Ulu dan pembuatan aksesori daripada manik.

Aktiviti ini telah berjaya memupuk semangat kekitaan dan memperkenalkan warisan budaya masyarakat Uma Bawang kepada para peserta.

Penasihat program Dr Wan Nor Zanariah Zainol@Abdullah berkata, penganjuran program seperti ini bukan sahaja mampu mengasah bakat kepimpinan pelajar, malah dapat memberi pendedahan luas kepada pelajar tentang kepelbagaian budaya serta cabaran yang dihadapi komuniti luar bandar.

Katanya, ia juga dapat memupuk rasa tanggungjawab sosial dalam kalangan mahasiswa.